


Hubungan Di Antara Tekanan Kerja
(Dengan Burnout)

JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD

UNITED SOFT TECHNOLOGY MALAYSIA

106603



106603

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap tekanan kerja , tahap *burnout* dan korelasi di antara kedua-dua pembolehubah tersebut di kalangan seramai 69 orang pemandu lori di Syarikat Intergrated Shipping and Forwarding Company yang beribu pejabat di Pelabuhan Klang, Selangor. Lima faktor utama tekanan kerja diukur dengan menggunakan Indek Tekanan Kerja (ITK) manakala tahap *burnout* diukur dengan menggunakan Inventori *Burnout* Maslach (IBM). Korelasi di antara faktor-faktor tekanan kerja dengan dimensi-dimensi sub-skala pada *burnout* didapati melalui Ujian Korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tahap tekanan kerja yang sederhana dialami oleh responden sementara *burnout* pula berada di tahap yang rendah. Dapatan juga menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan pada tahap yang lemah di antara tekanan kerja dengan *burnout*. Ini bermaksud tekanan kerja yang sederhana telah menyebabkan pemandu lori mengalami *burnout* yang rendah. Kajian ini hanya melihat tahap tekanan kerja, tahap *burnout* dan korelasi antara keduanya. Untuk kajian akan datang, adalah dicadangkan supaya kajian-kajian yang melihat kesan dan akibat dari *burnout* yang terhasil dari pelbagai faktor tekanan kerja di kalangan pemandu lori dijalankan.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sesebuah organisasi sama ada dalam sektor awam atau sektor swasta mempunyai matlamat yang tersendiri. Manusia sebagai tenaga kerja utama memainkan peranan yang penting dalam pencapaian matlamat organisasi tersebut. Setiap organisasi akan dapat beroperasi dengan lancar dan berkesan apabila mempunyai kumpulan pekerja yang sentiasa bermotivasi untuk bekerja dan meneruskan misi organisasi mereka. Untuk membolehkan warganya bekerja dengan bersungguh-sungguh dan pada kadar produktiviti yang tinggi, pihak pengurusan organisasi perlu menekankan kepada kesejahteraan dan kebajikan yang terbaik di kalangan keseluruhan pekerjanya. Pekerja merupakan aset utama yang menggerakkan operasi organisasi. Penggunaan sumber manusia yang baik dan terurus melalui perancangan dan pengurusan sumber manusia yang berkesan akan dapat meningkatkan produktiviti organisasi yang seterusnya memberi kesan dan menggalakkan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Dalam usaha pengurusan oleh pihak pengurusan organisasi, perlu disedari bahawa manusia sebagai seorang pekerja mempunyai kemampuan dan kebolehan yang terhad dari segi fizikal dan mentalnya. Apabila tahap kemampuan dan kebolehan pekerja yang terhad ini tidak

dari rumah ke tempat kerja dan sebaliknya. Satu faktor yang perlu diambil kira dalam melihat hubungan di antara pekerjaan dan pekerja ini ialah kaedah menguruskan pekerja. Pengurusan pengangkutan pekerja ini penting kerana ia juga boleh membantu meningkatkan produktiviti dan taraf hidup masyarakat.

Kajian-kajian mengenai struktur pekerjaan dan pelbagai masalah mengenai pekerjaan telah mula berkembang mulai penghujung tahun 1960an. Masalah itu ialah seperti prestasi kerja dan produktiviti rendah, kepuasan kerja yang rendah, keadaan tempat kerja dan suasana kerja yang tidak selesa dan peningkatan kemalangan di tempat kerja sama ada berbentuk cedera dan maut. Dalam tahun 1990an, keadaan persekitaran yang telah mula berubah disebabkan oleh penggunaan teknologi yang semakin canggih memerlukan kemahiran dan kebolehan untuk mengendalikannya. Ini telah mendesak majikan dan pengurusan organisasi meningkatkan keutamaan ke atas prestasi dan kebajikan pekerja.

Masalah pekerja dalam apa sahaja bidang kerjaya ialah tekanan kerja. Kebanyakan pekerja menganggap tekanan kerja adalah satu perkara biasa dan lumrah yang dialami oleh semua orang. Ia diterima sebagai asam garam kehidupan. Mereka akan cuba mengatasi masalah tekanan kerja ini dengan cara tersendiri seperti melalui kegiatan riadah, berehat dan bersantai bersama keluarga atau melibatkan diri dengan kerja-kerja sosial yang berfaedah. Menurut Friedman dan Resenman (dalam Husain Mahmood, 1997) adalah tidak dinafikan bahawa terdapat juga pekerja yang cenderung untuk mengambil jalan mudah menghilangkan tekanan kerja dengan aktiviti yang negatif seperti mengambil dadah dan penggunaan minuman keras.

Pekerja yang mengalami tekanan kerja yang berterusan dan sentiasa bertambah dari masa ke masa pula akan terdedah kepada pelbagai risiko kesihatan

dan tekanan emosi. Marshall dan Cooper (dalam Carayon, 1993) menyatakan mereka mula ponteng kerja, cuba mencari kerjaya lain yang menyebabkan berlaku pusing ganti kerja, menunjukkan motivasi dan iltizam kerja yang rendah serta sentiasa berasa kurang puas hati yang sekali gus akan mengurangkan keberkesanan organisasi. Menurut McLean (1985) pekerja yang menghadapi tekanan kerja yang tinggi akan menghadapi risiko kesihatan seperti koronari arteri, ulser, lemah jantung dan tekanan darah tinggi. Tekanan kerja yang tinggi, bertambah dan berterusan tanpa diurus dengan baik akan menyebabkan individu mengalami stres yang lebih kronik iaitu *burnout*. Seorang pekerja yang mengalami fenomena *burnout* berada dalam satu keadaan di mana wujudnya kekosongan fizikal dan mental akibat daripada pelbagai situasi pekerjaan. Freudenberger (1974) merujuk fenomena ini kepada golongan pekerja bantuan (*helping profession*) sebagai keadaan yang meletihkan diri dari segi emosi dan fizikal dalam usaha mengejar satu matlamat yang tidak mungkin dapat dicapai.

1.2 Latar Belakang Masalah

Maslach (1981) memberi penekanan kepada masalah personaliti dalam kehadiran fenomena *burnout*. Ciri-ciri emosi yang negatif, tertekan serta pengasingan diri individu lambat laun akan menyebabkan sindrom *burnout*. Kajian Maslach yang mempelopori bidang ini mendapati bahawa fenomena *burnout* memang wujud dikalangan individu yang bekerja terutamanya mereka yang bertugas di sektor khidmat bantuan. Golongan ini sentiasa terdedah kepada situasi-situasi yang tertekan serta tidak dapat dielakkan.

Seterusnya Alessandra (1988) menerangkan bahawa individu yang mengalami fenomena *burnout* adalah mereka yang bekerja melampaui batas,